

BAB SATU

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1: Kewujudan Keluarga Ibu Tunggal

Keluarga asas ialah satu institusi sosial yang terbina hasil daripada perkahwinan lelaki dan perempuan mengikut hukum adat atau hukum agama atau undang-undang sivil.

Lazimnya, dalam keluarga asas atau keluarga konjugal ada bapa, ibu, dan anak-anak. Di Malaysia, khususnya di kampung-kampung, keluarga asas ini disokong dan ditegapkan oleh keluarga ibu bapa dan saudara-mara; di bandar-bandar pula, keluarga asas biasanya berfungsi secara unit tersendiri, bebas dan terasing daripada pengaruh keluarga sampingan (Melson, 1987).

Menurut Melson, keluarga asas sebagai satu institusi memainkan beberapa peranan penting, antaranya ialah:

- a. Sebagai kelompok budaya di mana kedua-dua ibu dan bapa membudayakan anak-anak dengan tatasusila, adab hidup, dan bahasa sesuatu kaum.
- b. Sebagai kelompok sosial yang mempunyai pembahagian peranan dan tugas bagi bapa, ibu, anak lelaki, dan anak perempuan bagi membolehkannya berfungsi dengan

sejahtera. Bapa bertugas sebagai pencari nafkah utama, pendisiplin berautoriti, dan pelindung (protector). Ibu pula bertugas sebagai pengurus rumah tangga, pemberi kasih sayang, dan pendidik.

- c. Sebagai kelompok psikologi untuk perkongsian emosi dan rohani antara ahli-ahli keluarga bagi membina keluarga sejahtera yang kondusif untuk perkembangan psikologi anak-anak khususnya. Kehidupan keluarga yang sejahtera mewujudkan elemen keselamatan pada diri anak-anak; justeru itu, keluarga yang sejahtera menghasilkan peribadi anak-anak yang sejahtera juga.
- d. Sebagai kelompok pendidikan untuk membentuk kematangan fikiran dan penyesuaian hidup dan untuk mendidik anak-anak dengan pelbagai perkara dan peranan.
- e. Sebagai kelompok seksual yang menghalalkan hubungan seks antara suami dengan isteri bagi tujuan perkongsian emosi dan penghasilan zuriat.
- f. Sebagai kelompok ekonomi di mana bapa dan ibu, dan kadangkala anak-anak, meneguhkan pendapatan keluarga dan seterusnya membelanjakan pendapatan mengikut keperluan keluarga.

Walaupun keluarga mempunyai beberapa peranan penting, namun keutuhannya boleh tergugat. Keluarga asas boleh berpecah dan menjadi porak peranda akibat perceraian, perpisahan, pengusiran, dan kematian salah seorang pasangan. Fenomena perpecahan ini mewujudkan keluarga tunggal, yang diterajui sama ada oleh bapa atau ibu, tetapi lazimnya diterajui oleh ibu (Spanier & Thompson, 1987; Noorzila 1996).

Menurut Spanier & Thompson (1987) dan Marsden (1973), perceraian dan perpisahan berpunca daripada beberapa sebab iaitu perbezaan darjah dan latar belakang antara suami-isteri; keganasan dalam rumah tangga; isteri atau suami berlaku curang dan

bercinta dengan orang lain; cemburu keterlaluan; kelemahan daya seks; penyakit; beban ekonomi akibat tiada kerja; dan isteri yang mengabaikan tugas rumah tangga. Goding (dalam Finlay, 1969) memperincikan 32 punca perceraian, antaranya ialah interaksi ganas dan benci dalam keluarga, tiada komunikasi suami isteri, kongkongan melampau, pengasingan diri (alienation and withdrawal), campur tangan mentua, arak, sakit mental, dan kuat nafsu seks.

Perceraian dan perpecahan rumah tangga boleh dibendung oleh prinsip agama, peraturan agama, sanak-saudara, dan kos perceraian yang tinggi. Misalnya, hukum syarak agama Islam membenarkan perceraian; suami boleh menceraikan isteri, atau isteri boleh meminta cerai (fasakh) daripada suami, dengan tujuan menyelesaikan penderitaan zahir dan batin suami atau isteri, atau dengan tujuan menyelesaikan masalah serius dalam rumah tangga. Walaupun perceraian ialah perkara yang dibenarkan tetapi ia amat dibenci oleh Allah kerana ia memutuskan ikatan kasih sayang dan tali persaudaraan (Abdur Rahman I. Doi, 1995). Perceraian boleh berlaku dengan lafaz talak, cerai tebus talak (khuluk), cerai taklik dan fasakh.

Walau bagaimanapun, perceraian di kalangan pasangan suami-isteri Islam boleh dicegah atau dikurangkan. Di Malaysia, lazimnya pihak Pejabat Kadi sesuatu daerah menasihatkan suami-isteri yang ingin bercerai supaya memikirkan kesan-kesan buruk perceraian, khususnya terhadap perasaan dan kebajikan anak-anak, atau pewarisan harta, atau terhadap keutuhan masyarakat Islam (Al Islam, November 1996). Di Kuala Lumpur dan Selangor, pihak Jabatan Agama Islam meminta pasangan suami-isteri yang ingin bercerai menghadiri sesi kaunseling untuk mendidik suami-isteri tentang hukum-hakam

Islam serta akibat buruk perceraian mereka, khususnya di kalangan suami-isteri muda atau yang mempunyai anak-anak (Mimi Kamariah Majid, 1992).

Dalam masyarakat Melayu di Malaysia, sanak-saudara dan keluarga terdekat juga biasanya tidak merestui perceraian dan memandang rendah perceraian kerana, secara rasionalnya, tiada masalah rumah tangga yang tidak boleh diatasi oleh manusia waras. Sanak-saudara biasanya menghalang perceraian; dan perceraian disulitkan lagi oleh kos perceraian yang tinggi, atau jika ia menjaskan kerjaya suami isteri (Keluarga, Julai 1996).

Sungguhpun perceraian dan perpecahan rumah tangga mempunyai stigma sosial yang negatif dan ingin dibendung oleh berbagai pihak, perceraian ada kebaikannya kerana ia merupakan satu jalan keluar bagi isteri yang menghadapi kezaliman dan keganasan suami dalam rumah tangga (Keluarga, Julai 1996). Perceraian merupakan cara untuk isteri membebaskan diri dari suami yang tidak lagi menyayanginya dan juga yang meninggalkannya tanpa berita atau nafkah (Mimi Kamariah Majid, 1992). Perceraian juga melepaskan suami isteri daripada konflik rumah tangga yang berpanjangan yang disebabkan oleh tidak ada kesefahaman antara suami isteri , penyakit, atau pengabaian tanggungjawab (Al Islam, November 1994).

Terdapat dua situasi perceraian yang berlaku antara pasangan suami isteri iaitu sama ada isteri diceraikan dengan kerelaan atau diceraikan tanpa kerelaan diri isteri. Dalam hal perceraian yang berlaku atas kerelaan isteri, isteri bersedia menanggung risiko dan masalah selepas perceraian. Sebaliknya, jika perceraian berlaku tanpa kerelaan iaitu suami menceraikan isteri atas sebab-sebab tertentu isteri merasakan dirinya terbeban dengan berbagai-bagai masalah, seperti masalah kewangan, masalah tempat tinggal, masalah tuntutan nafkah, masalah persekolahan anak-anak, dan masalah menangani

disiplin dan kerentan anak-anak. Beban masalah itu dirasakan lebih berat lagi di kalangan ibu tunggal yang berpendapatan rendah berbanding dengan mereka yang berpendapatan tinggi. Dari segi psikologi, kesan bagi kedua-dua jenis perceraian itu berbeza, iaitu isteri yang bercerai dengan kerelaan tidak sebegitu kecewa dan traumatis berbanding dengan isteri yang diceraikan tanpa kerelaannya (Mimi Kamariah Majid, 1992).

Dalam masyarakat masa kini, perceraian dan perpecahan rumah tangga ada hubungannya dengan ekosistem masyarakat yang terbit dari fenomena perbandaran (urbanization) dan perindustrian (Melson, 1987). Kedua-dua fenomena ini menggalakkan manusia dari luar bandar untuk berhijrah ke bandar-bandar dan kawasan-kawasan industri untuk mendapatkan pekerjaan. Golongan yang berhijrah ini membina keluarga asas yang tersisih jauh daripada pengaruh dan bantuan sanak-saudara. Keluarga di bandar-bandar lazimnya mempunyai suami dan isteri yang bekerja, dan mereka tentunya menghadapi ketegangan (tension) dan tekanan (stress) yang berpunca daripada berbagai-bagai masalah di tempat kerja, jalan raya, tempat kediaman, dan dalam urusan kewangan. Ketegangan dan tekanan itu semakin meningkat dan boleh meretakkan keutuhan ikatan keluarga asas dan seterusnya mendorong kepada perceraian (Melson, 1989). Misalnya, dalam masyarakat di negara maju, iaitu yang mempunyai bandar raya yang besar dan perindustrian yang pesat, seperti di Amerika Syarikat, Kanada, Britain, Denmark, dan German mempunyai kadar perceraian yang tinggi, iaitu sekitar 70-80 peratus bagi setiap 100 perkahwinan (Spanier and Thompson, 1985; Marsden, 1973). Ini bermakna dalam masyarakat berkenaan terdapat 70 hingga 80 buah keluarga ibu tunggal yang wujud dari setiap 100 perkahwinan. Oleh itu, dengan tingginya kadar perceraian yang berlaku, maka jumlah keluarga ibu tunggal dalam masyarakat berkenaan turut meningkat.

Di Malaysia, sebuah negara yang sedang membangun dan menuju taraf negara maju, kadar krisis rumah tangga meningkat di kalangan umat Islam di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, dan Shah Alam (Al Islam, November 1996). Misalnya, di Kuala Lumpur jumlah krisis rumah tangga berdaftar, iaitu yang diadukan kepada Mahkamah Rendah Syariah pada tahun 1987 ialah 1,584 kes dan dalam tahun 1993 ialah 3,561 kes, dan jumlah krisis keretakan rumah tangga dalam tempoh 1987-1995 ialah 25,730 kes, iaitu dengan purata 2,858 kes setahun. Walau bagaimanapun, mungkin dari khidmat nasihat dan kaunseling, purata kes perceraian di Kuala Lumpur bagi tempoh 1990-1993 ialah 525 kes setahun, iaitu dengan kadar perceraian 18.4 peratus setahun (Al Islam, November 1996). Antara negeri-negeri di Malaysia, Kelantan dan Terengganu mempunyai bilangan kes perceraian yang paling tinggi, iaitu Kelantan dengan purata kes cerai 1,592 setahun bagi tempoh 1990-1993, dan Terengganu dengan purata kes cerai 1,036 setahun bagi tempoh 1990-1992 (Jelita, April 1994).

Perceraian mewujudkan keluarga ibu tunggal. Fenomena penghijrahan keluarga-keluarga ke bandar-bandar dari kawasan desa telah menyebabkan perubahan sikap dan nilai terhadap nilai material, nilai kekeluargaan, dan seterusnya menggugat keutuhan institusi perkahwinan. Tekanan hidup, persaingan materialistik, dan pergaulan sosial yang agak liberal mendorong ke arah keretakan rumah tangga. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat kira-kira 9,000 keluarga ibu tunggal pada tahun 1995; dan jika setiap keluarga itu mempunyai purata 3 orang anak, maka terdapat kira-kira 27,000 orang anak-anak keluarga ibu tunggal (Wanita, April 1994).

Persoalan mengenai fenomena perpecahan rumah tangga ini ialah: adakah ibu-ibu tunggal ini mampu menyara anak-anak mereka serta mengatasi berbagai-bagai masalah dan

cabaran dalam usaha membesarkan anak-anak mereka, khususnya di kawasan bandar raya yang besar seperti Kuala Lumpur yang mempunyai berbagai-bagai kegiatan jenayah dan maksiat? Kemungkinan tinggi sukar bagi ibu-ibu tunggal untuk memenuhi tanggungjawabnya dalam serba-serbi urusan rumah tangga dan anak-anaknya, lebih-lebih lagi jika ibu-ibu tersebut berpendapatan rendah. Daya usaha ibu-ibu tunggal tersebut bertambah rumit sekiranya bekas suami mereka tidak memberi nafkah dan melupakan sama sekali tanggungjawab mereka terhadap anak-anak.

1.2: Kehidupan Keluarga Ibu Tunggal

Masyarakat umum menganggap bahawa keluarga ibu tunggal sebagai "keluarga pincang" kerana ia tidak mampu berfungsi sebagaimana keluarga asas, yang dianggap oleh masyarakat sebagai keluarga utuh dan bahagia (Wan Halim Othman, 1995). Keluarga ibu tunggal dikatakan pincang kerana ibu amat sibuk menjalankan tugas sebagai ibu dan juga bapa untuk anak-anaknya; oleh itu, tugas-tugasnya di dalam keluarga tidak dapat disempurnakannya dengan baik. Beban tugasnya besar sekiranya anak-anaknya ramai dan pendapatan keluarga rendah. Keluarga ibu tunggal mempunyai stigma sosial yang negatif. Lazimnya masyarakat mempunyai prejedis atau prasangka buruk dan menganggap bahawa keluarga ibu tunggal, yang diketuai oleh janda atau balu, tidak dapat berfungsi dengan sempurna seperti keluarga asas yang mempunyai kedua-dua ibu dan bapa yang hidup bersama-sama (Jelita, April 1994). Wan Halim Othman (1995) menggariskan bahawa antara prasangka buruk dan anggapan kepincangan itu ialah:

- i. Keluarga ibu tunggal ialah keluarga pincang kerana tiada bapa untuk mendisiplinkan anak-anak. Anak-anak itu menjadi liar dan mudah menjadi nakal dan membuat perkara buruk seperti berjudi, minum arak, menagih dadah, mencuri, dan pelacuran.
- ii. Keluarga ibu tunggal, khususnya yang wujud dari perceraian, ialah keluarga yang gagal dan berpecah (broken). Anak-anak dari keluarga ibu tunggal mempunyai perasaan rendah diri kerana mereka tiada bapa, tidak seperti kanak-kanak "normal" yang mempunyai bapa yang menyara dan membimbang mereka. Perasaan rendah diri menyebabkan kanak-kanak berkenaan mengasingkan diri, tidak suka berkawan, dan tiada keyakinan dalam pelajaran.
- iii. Keluarga ibu tunggal, khususnya akibat dari perceraian, tiada ciri keselamatan (security) kerana ia mudah berpecah lagi jika ibu meninggal dunia, atau jika ibu berkahwin lagi dan meninggalkan anak-anaknya. Ketiadaan ciri keselamatan menyebabkan kanak-kanak dari keluarga begini berasa takut kepada kegagalan, kehampaan, dan tindakan kasar.
- iv. Keluarga ibu tunggal, khususnya akibat dari perceraian, ialah keluarga yang tiada harmoni kerana keluarga begini ialah lambang putusnya ikatan kasih sayang antara suami dan isteri. Oleh itu, sebagai manifestasi ketiadaan harmoni, kanak-kanak dari keluarga ibu tunggal sentiasa suka bertengkar dan bergaduh sesama mereka.
- v. Keluarga ibu tunggal hidup susah kerana tiada sokongan ekonomi daripada bapa; oleh itu, kanak-kanak dari keluarga begini kurang makan-minum, tidak berpakaian kemas, dan tiada wang saku sekolah. Biasanya, kanak-kanak dari keluarga begini mudah berhenti sekolah dan mencari kerja untuk membantu keluarganya.

vi. Ibu tunggal, khususnya janda yang diceraikan suami, mengalami kekecewaan dan tekanan dalam diri. Bagi mengatasi kekecewaan, mereka suka melancong dan mereka suka melibatkan diri dalam berbagai-bagai aktiviti. Mereka memandang rumah tangga sebagai tidak bermakna lagi, lantas mereka mempunyai potensi tinggi untuk melupakan urusan rumah tangga dan mengabaikan kebaikan anak-anak mereka. Anak-anak diberikan kepada datuk-nenek atau saudara-mara untuk dijaga dan diasuh.

Prejudis-prejudis yang dinyatakan di atas boleh mengganggu perasaan ibu tunggal serta anak-anak mereka. Ibu tunggal seringkali dilabel oleh masyarakat sebagai ibu malang; dan anak-anak mereka dilabel sebagai anak-anak malang atau anak yatim yang sentiasa mengharap belas ihsan orang lain (Wanita, April 1994). Prejudis dan anggapan masyarakat itu ada benar dan ada salahnya.

Sebagai contoh , seorang ibu tunggal menceritakan bahawa masyarakat sering menuduh keluarga tunggal sering gagal memelihara anak-anak; lantas itu anak-anak berkenaan sering terlibat dengan jenayah dan kegiatan tidak bermoral (Utusan Malaysia, 27 Disember 1996, Ruangan Laporan Khas). Beliau juga mengatakan bahawa tidak semua anak-anak keluarga ibu tunggal terlibat dengan jenayah, malahan ramai juga anak-anak keluarga asas terlibat dengan berbagai-bagai gejala sosial. Contoh seterusnya , seorang ibu tunggal yang bekerja sebagai setiausaha menceritakan bahawa masyarakat mempunyai prejudis bahawa ibu tunggal adalah liar dan mudah dibawa ke sana sini (Wanita, April 1994). Beliau menyangkal prejudis itu dan mengatakan bahawa kekuatan iman boleh menolak hawa nafsu buruk manusia. Sepatutnya masyarakat memberi dorongan dan perangsang agar ibu tunggal dapat meneruskan hidup seperti orang lain.

Ibu tunggal menjalani kehidupan yang perit dan susah. Spanier dan Thompson(1987), dalam kajian mereka, mendapati bahawa ibu tunggal yang diceraikan atau ditinggalkan suami mengalami empat kesan psikologi, iaitu penolakan hakikat (non-acceptance), marah, penyesalan, dan kesepian. Penolakan hakikat ialah ibu tunggal masih menganggap rumah tangganya utuh dan ia tidak percaya perceraian itu berlaku kerana ia tidak mahu menerima hakikat kegagalan dan perasaan bahawa dirinya diketepikan. Perasaan marah timbul pada si isteri yang diceraikan kerana si suami berkahwin lain atau mengadakan hubungan dengan wanita lain (Wanita, April 1994). Perasaan kecewa dan marah timbul kerana rumah tangganya tidak diselamatkan dan tiada perundingan oleh suami-isteri, atau si isteri tidak dapat mengesan punca kesilapan yang mengakibatkan ia diceraikan. Kesepian wujud kerana perceraian memisahkan teman intim untuk berbual, bermesra, dan berkongsi perasaan.

Syed Hassan Al-Mashoor, pakar psikologi Universiti Malaysia Sarawak berpendapat kesan emosi yang lain pada ibu tunggal yang baru bercerai atau diceraikan suami ialah mereka rasa tertekan, dan kehidupan harian mereka "dibelenggu resah gelisah, murung, pilu, kecewa, hiba dan sugul, dan mengganggu fikiran" (Wanita, April 1994). Syed Hassan menyatakan cabaran pertama bagi ibu tunggal ialah mekanisme untuk menangani krisis bagi membina kekuatan dan keyakinan diri. Krisis itu ialah tekanan emosi atau ketegangan jiwa yang mewujudkan perasaan tidak terkawal. Cabaran kedua ialah meningkatkan kemahiran mendidik anak-anak supaya mereka berjaya dalam pelajaran serta mendapat kejayaan kebendaan dan kerohanian. Walau bagaimanapun bukan semua ibu tunggal menghadapi masalah dalam membina hidup baru dan membesarkan anak-anak kerana keupayaan peribadi mereka dan kedudukan ekonomi mereka berbeza-beza.

Tugas dan tanggungjawab ibu tunggal semakin rumit dan kompleks mengikut bilangan anak-anaknya dan pendapatannya, iaitu beban tanggungjawab seorang ibu tunggal yang mempunyai seorang anak dan berpendapatan tinggi tidaklah seberat seorang ibu tunggal yang mempunyai lima orang anak dan berpendapatan rendah. Sementara itu, ketenteraman emosi dan hubungan interpersonal dalam keluarga ibu tunggal bergantung kepada situasi perceraian atau kematian, iaitu ibu tunggal yang diceraikan atau menjadi balu secara tiba-tiba mengalami trauma tekanan emosi dan kecelaruan perasaan lebih daripada ibu tunggal yang bercerai atau yang kematian suami yang menderita sesuatu penyakit. Walau bagaimanapun trauma itu berkurangan mengikut peredaran masa.

Dalam kebanyakan laporan akhbar dan majalah, masalah utama yang dihadapi oleh keluarga ibu tunggal ialah masalah kewangan, yang biasanya memaksa ibu tunggal bekerja bersungguh-sungguh bagi menyara anak-anak. Misalnya, di kalangan artis wanita tempatan, mereka terus menggunakan bakat mereka untuk mencari rezeki bagi menyara anak-anak (Berita Minggu, Ahad 24 November 1996, Ruangan Persada Seni). Kebanyakan bekas suami tidak menghiraukan nafkah untuk anak-anak; ibu tunggal pula ramai tidak tahu akan hak-hak mereka dalam menuntut ganti rugi, harta bersama, dan nafkah (Jelita, April 1994; Wanita, April 1994; Keluarga, Julai 1996; Al Islam, November 1996).

Dalam konteks kehidupan keluarga ibu tunggal, perkembangan dan masalah anak-anak berbeza-beza menurut peribadi, ketahanan mental, kedudukan ekonomi, dan pendidikan ibu tunggal. Keadaan perceraian, perpisahan, atau kematian juga memberi kesan yang berbeza-beza kepada ibu tunggal dan anak-anaknya (Spanier and Thompson, 1987).

Dalam keadaan ibu tunggal yang mempunyai anak remaja yang diceraikan tanpa kerelaan, anak-anak remaja mereka turut sama merasai pilu, kecewa, marah, benci, dan mengalami tekanan emosi yang dialami oleh ibu mereka (Marsden, 1973). Perasaan demikian adalah kritikal dan kompleks jika si bapa beristeri baru dan melupakan kebajikan anak-anaknya. Anak-anak amat benci dan marah kepada bapa mereka yang tidak berperikemanusiaan; fikiran dan emosi mereka terganggu dalam masa beberapa bulan atau tahun. Walau bagaimanapun, anak-anak demikian bersimpati dan memberi sokongan terhadap ibu mereka, dan mereka berusaha gigih untuk berjaya dalam pelajaran sebagai cara untuk membala jasa ibu mereka (Wanita, April 1994).

Dalam keadaan ibu tunggal yang bercerai dengan kerelaannya, khususnya atas sebab kezaliman dan pengabaian suami, mereka merasakan perceraian sebagai satu cara terlepas dari ketegangan emosi dan tekanan perasaan. Anak-anak remaja mereka dalam situasi ini turut sama memperoleh ketenteraman perasaan, jauh dari pertengkaran dan penderaan fizikal dan mental yang menghantui mereka. Remaja begini dan ibu mereka saling bantu membantu dan bekerjasama membina semula keluarga. Mereka memahami kesusahan yang dialami oleh ibu mereka dalam usaha menyara dan membimbang keluarga. Remaja begini tidak bersifat mendesak (demanding) kerana mereka sedar perbuatan itu akan menyusahkan ibu mereka. Remaja begini juga bersifat berdikari dan bertanggungjawab (Utusan Malaysia, 27 Disember 1996, Ruangan Laporan Khas).

Walau bagaimanapun, tidak semua remaja dari keluarga ibu tunggal berkelakuan baik, bertanggungjawab, dan boleh berdikari. Perbezaan keadaan hidup dalam keluarga ibu tunggal mewujudkan perbezaan reaksi tingkah laku remaja, ada yang positif dan ada

yang negatif. Beberapa kes, seperti yang dilaporkan dalam majalah Jelita (April 1994), elok dipaparkan di sini untuk menjelaskan perbezaan berkenaan.

Bagi kes pertama, anak remaja perempuan berumur 14 tahun mulanya menjadi rakan baik ibunya bila perceraian berlaku, tetapi remaja ini berubah menjadi malas, pembengis, suka bergaduh, dan sentiasa menyakiti hati ibunya apabila ibunya berhasrat berkahwin lain. Remaja ini mahu ibunya berkahwin semula dengan bapanya, tetapi ibunya enggan (Jelita, April 1994,). Bagi kes kedua pula, anak remaja lelaki keluarga ibu tunggal berubah sikap daripada yang baik dan bersopan menjadi pemarah dan autoritatif. Jika kemahuannya tidak dituruti oleh ibu dan kakak-kakaknya, dia menjadi ganas dan memecahkan barang-barang dalam rumah. Perangainya menjadi begitu kerana dia amat menyayangi bapanya, pada hal kakak-kakak dan ibunya membenci bapanya telah berkahwin lain.

Bagi kes ketiga, seorang anak remaja lelaki keluarga ibu tunggal pada mulanya amat cemerlang dalam pelajaran kerana bapanya yang telah bercerai dengan ibunya memberi ganjaran dan rangsangan berupa hadiah mahal jika remaja itu cemerlang dalam pelajaran. Apabila si bapa tidak lagi memberi ganjaran itu, pelajaran remaja berkenaan merosot (Jelita, April 1994,). Bagi kes keempat, seorang anak remaja belasan tahun ponteng sekolah selama tiga bulan tanpa pengetahuan ibunya. Alasannya ialah dia tidak dapat menerima hakikat perceraian antara ibu dan bapanya.

Secara spesifiknya, tiga kes itu memaparkan perceraian dan suasana kehidupan keluarga ibu tunggal boleh menimbulkan kesan negatif terhadap kanak-kanak dan remaja. Secara umumnya, apabila berlaku perceraian atau kematian bapa, ibu dan anak-anaknya juga mengalami tekanan emosi dan gangguan mental. Sesetengah kanak-kanak dan remaja

memahami keadaan mereka, sementara sesetengah yang lain menunjukkan perubahan negatif seperti pelajaran merosot, lari dari rumah, mencuri, enggan belajar, tidur lambat, menjadi ganas dan pemarah, selalu menangis, dan antisosial (Jelita, April 1994; Marsden, 1973).

1.3: Penyataan Masalah

Masalah sosial yang dilakukan oleh kaum remaja sekarang amat membimbangkan berbagai pihak, baik ibu bapa, pemimpin politik, pendidik, ketua masyarakat mahu pun pihak polis. Ini jelas terbukti apabila saban hari terpampang di akhbar-akhbar dan majalah keluarga mengenai gejala-gejala tidak sihat di kalangan remaja seperti penagihan dadah, pelacuran, pecah rumah, mencuri, rogol, bergaduh, lari dari rumah, lepak, ponteng sekolah, bohsia, dan bohjan. Didapati bilangan remaja yang terbabit dalam kes seumpama itu meningkat dari seasa ke semasa.⁴ Contohnya, menurut satu kajian oleh sebuah universiti tempatan ke atas 6,110 remaja yang berusia antara 12 hingga 25 yang ditemui berkeliaran dan melepak di pusat-pusat membeli belah, panggung wayang, perhentian bas dan di gerai-gerai jualan, didapati 70% merokok, 40% menonton video lucah, 28% berjudi, 25% meminum minuman keras, 14% mengambil dadah, dan 18% mengadakan hubungan seks bebas (The Star, 11 Disember 1994).⁴ Laporan akhbar berkenaan juga menjelaskan bahawa remaja yang terlibat bukan sahaja terdiri daripada remaja yang sudah bekerja tetapi juga remaja yang masih menuntut di bangku sekolah lagi.

Satu kajian yang dijalankan oleh Shamsudin Abd. Rahim, (1996) mendapati bahawa 30% remaja mengambil dadah untuk menghilangkan kebosanan dan tekanan, 40% tidak mempunyai tujuan untuk mengambil dadah, 10% mengambil dadah untuk berkhayal, 8% semata-mata untuk keseronokan, 7% untuk kecergasan dan 2% lagi untuk perubatan (Utusan Malaysia 21, Februari 1997). Kebanyakan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah melakukannya untuk cuba mencari jalan keluar dari masalah dan tekanan hidup dengan cara yang mudah. Menurut Shamsudin, perhatian dan kasih sayang yang kurang daripada ibu bapa serta ketiadaan tempat untuk meluahkan perasaan menjadikan remaja mudah menjadi bosan dan berasa tertekan (Utusan Malaysia, 21 Februari 1997).

Masalah remaja lari dari rumah juga turut menunjukkan perangkaan yang serius. Dari tahun 1989 hingga Mac 1994 pihak polis melaporkan sejumlah 20,737 orang lari dari rumah; daripada jumlah tersebut, seramai 13,876 orang terdiri daripada golongan remaja. Selebihnya, iaitu seramai 6,961 orang terdiri daripada mereka yang berumur 21 tahun ke atas (Hamly, 1995). Daripada jumlah 20,737 yang dilaporkan hilang, hanya 9,385 orang atau 45% sahaja yang dilaporkan pulang ke rumah ibu bapa mereka. Menurut laporan polis lagi bahawa gadis-gadis yang terlibat dalam kegiatan maksiat dari tahun 1991- Mac 1994 adalah seramai 1,097 orang, daripada jumlah ini seramai 38 orang daripadanya hilang entah ke mana (Hamly, 1995). Sebahagian besar remaja lari dari rumah kerana masalah keluarga. Faktor utama mereka lari ialah perselisihan faham dengan ibu bapa, kurang perhatian dan kasih sayang serta tekanan daripada ibu atau bapa tiri (Taha Yaakub, 1992).

Menurut Robert Hamly, perangkaan pihak polis menunjukkan bahawa para remaja yang ditangkap oleh pihak polis kerana melakukan pelbagai kesalahan jenayah telah

meningkat setiap tahun, dan kebanyakannya yang ditangkap oleh pihak berkuasa itu terdiri daripada remaja bangsa Melayu. Seramai 1,892 remaja ditangkap oleh pihak polis; seramai 3,164 remaja ditangkap dalam tahun 1992; dan seramai 3,602 remaja ditangkap dalam tahun 1993. Pada tiga bulan pertama 1994 pula, seramai 1,189 orang remaja yang berumur diantara 12-18 tahun telah diberkas oleh polis kerana melakukan berbagai-bagai kegiatan jenayah seperti merompak, menyamun, merogol, pecah rumah, peras ugut, mencuri di pasaraya, lari dari rumah, memusnahkan harta benda orang dan lumba kenderaan secara haram. Pihak polis sendiri juga menyifatkan bahawa peningkatan perangkaan itu adalah serius (Hamly, 1995). Menurut Penolong Pesuruhjaya Polis (PPJP) Yaakub Ismail Ketua Polis Daerah Ulu Langat, pembabitan remaja dalam jenayah banyak disebabkan oleh faktor pengaruh rakan sebaya, persekitaran dan sosio-ekonomi keluarga (Utusan Malaysia, 12 Ogos 1994). Tambahan lagi, menurut Abdul Rashid Abdul Rahman (1995), Timbalan Pengguna Polis Cawangan Penyelidik Bukit Aman, Kuala Lumpur, dua daripada faktor penolak (push factor) yang mendorong para remaja melakukan jenayah ialah faktor pergeseran atau pertelingkahan yang berlaku antara anak dengan ibu bapa atau keluarga, dan faktor tiada keharmonian hubungan ibu dan bapa terutama apabila berlaku perceraian.

Jabatan Kebajikan Masyarakat melaporkan bahawa pihaknya mengesan sebanyak 717 orang pelajar remaja perempuan berumur 15-21 tahun yang terbabit dalam kancah maksiat sepanjang tahun 1993 (Hamly, 1995). Jadual 1 menunjukkan bilangan kes maksiat mengikut peringkat umur di kalangan remaja pada tahun 1993.

Jadual 1: Kes Maksiat Di Kalangan Remaja, 1993

Umur	Bilangan Kes
15 tahun ke bawah	66
15—18 tahun	360
18—21 tahun	272
21 tahun ke atas	19
Jumlah	717

Sumber: Hamly R. (1995). Bohsia: Punca dan Penyelesaiannya.

Perangkaan Jadual 1 menunjukkan remaja yang terbabit terdiri daripada golongan remaja di bawah umur, dan mereka ini umumnya ialah gadis-gadis bohsia.* Pada hakikatnya masalah-masalah ini bukanlah berpunca pada para remaja sahaja, tetapi adalah kerana kepincangan dalam kehidupan keluarga mereka sendiri. Adanya kepincangan keluarga menjadikan rumah bukan tempat yang sejahtera bagi remaja; kepincangan keluarga serta kesibukan ibu bapa menyebabkan remaja hilang kasih sayang dan tempat untuk bermanja. Remaja itu juga tidak ada tempat untuk meluahkan segala masalah hidupnya, dan ini menyebabkan mereka hambar dengan keluarganya sendiri (Hamly, 1995).

Berdasarkan laporan kajian-kajian di atas, boleh dirumuskan bahawa salah satu punca yang menyebabkan masalah devian remaja ialah konflik yang berlaku di antara remaja dengan ibu bapa di rumah. Konflik itu mungkin berpunca daripada perbezaan nilai

dan ketegangan hubungan di antara ibu bapa dengan anak. Hubungan ibu bapa dengan anak-anak dianggap positif sekiranya mereka dipersepsikan sebagai bersikap mesra dan menerima. Sebaliknya, hubungan yang negatif digambarkan apabila mereka dipersepsikan sebagai bersikap dingin dan menolak. Oleh itu bentuk hubungan yang harmonis di antara ibu bapa dan anak akan menentukan pembentukan personaliti anak. Sekiranya kepincangan berlaku di antara mereka seperti perbalahan, penderaan, perselisihan dan sebagainya, akan timbulah satu keadaan tekanan dan masalah di kalangan anak-anak. Kesannya akanlah tingkah laku anti sosial di kalangan mereka (remaja).

Permasalahan-permasalahan yang dipaparkan di atas adalah contoh-contoh permasalahan yang dialami oleh golongan remaja masa kini secara umum, sama ada mereka daripada keluarga asas atau daripada keluarga ibu tunggal. Golongan remaja masa kini menghadapi tekanan yang berbagai, khususnya daripada ibu bapa, rakan sebaya, dan masyarakat sekitar.

Walau bagaimanapun, para pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal menghadapi masalah-masalah yang lebih khusus dan berbeza, sama ada dari segi kategori atau darjah keseriusan masalah yang dialami (Noor Murni Mohd. Nor, 1992). Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal dan cuba mengenal pasti bidang utama masalah yang dialami serta tahap keseriusan bidang masalah berkenaan.

1.4: Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah para pelajar remaja lelaki dan perempuan daripada keluarga ibu tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Kajian ini juga akan meneliti sejauh mana berbagai bidang masalah memberi kesan terhadap prestasi akademik pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal. Selain daripada itu kajian akan meneliti individu yang ditemui oleh pelajar remaja untuk membincang dan menyelesaikan masalah mereka.

1.5: Soalan-soalan Kajian

Kajian ini berusaha menjawab soalan-soalan berikut.

1. Apakah bidang masalah yang amat mengganggu pelajar-pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya?
2. Apakah prestasi akademik pelajar remaja berkenaan?
3. Siapa orang yang ditemui oleh pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal untuk membincangkan masalah mereka?

1.5: Kepentingan Kajian

Umumnya, masyarakat mempunyai prejudis dan melabel keluarga ibu tunggal sebagai keluarga pincang, tidak harmoni, dan mempunyai berbagai-bagai jenis masalah. Berbagai jenis masalah dalam keluarga ibu tunggal boleh mengganggu emosi dan fikiran anak-anak, terutamanya mereka yang sedang bersekolah. Gangguan itu seterusnya boleh menjelaskan kesihatan, prestasi akademik, dan moral anak-anak yang bersekolah. Justeru itu, kajian ini penting kerana ia berhasrat untuk menolak prejudis berkenaan, khususnya mengenai pandangan bahawa pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal lemah dalam pelajaran, tidak pandai bergaul dengan orang lain, dan sering menghadapi konflik moral dan disiplin.

Selain daripada itu, hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada badan-badan tertentu seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tentang jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar daripada keluarga ibu tunggal agar pihak JKM dapat menyediakan khidmat nasihat dan program kauseling khusus kepada pelajar tersebut. Selama ini JKM dan Persatuan Ibu Tunggal hanya menumpukan khidmat bantuan dan sokongan kepada para ibu tunggal seperti mengadakan program-program motivasi, bantuan memulakan kerjaya dalam perniagaan dan sebagainya agar mereka dapat berdikari menyara keluarga, tetapi program khusus kepada anak-anak remaja yang bermasalah dari keluarga ibu tunggal kurang diberi perhatian. Dengan itu, dapatan kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi kefahaman atau pengetahuan kepada pihak-pihak tersebut untuk mengadakan program-program khusus bagi menangani masalah-masalah ibu tunggal dan anak-anak.

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran kepada kaunselor sekolah dan guru-guru tentang jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar remaja dari keluarga ibu tunggal khususnya. Selama ini kaunselor sekolah dan guru-guru hanya menggunakan kaedah umum dan menyeluruh sahaja kepada semua pelajar ketika menghadapi atau menangani masalah pelajar remaja dari keluarga asas dan pelajar remaja dari keluarga ibu tunggal . Anak-anak dari keluarga ibu tunggal sebenarnya ada masalah tersendiri dalam menghadapi kehidupan sehari-hari, menempuh alam remaja, dan alam persekolahan. Maka dengan itu, dapatan kajian ini, walau pun tidak boleh mewakili keseluruhan pelajar remaja sekolah menengah di Malaysia, tetapi ianya boleh memberi gambaran yang agak umum tentang jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar remaja, tentang perkara-perkara yang mendatangkan masalah kepada mereka, dan juga tentang individu yang mereka temui untuk mendapatkan khidmat nasihat apabila mereka menghadapi masalah. Dapatan kajian ini juga membolehkan kaunselor sekolah dan guru-guru membuat rancangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan lebih bermakna dan selanjutnya menyediakan program-program yang sesuai bagi menangani masalah pelajar-pelajar remaja dari keluarga ibu tunggal.

1.6: Batasan dan Fokus Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar remaja lelaki dan perempuan dari keluarga ibu tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Memandangkan pelajar kumpulan berkenaan sukar diperolehi, maka pelajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima akan dipilih dan diselidiki untuk mendapatkan subjek kajian yang mencukupi dan yang berbeza dari segi latar belakang keluarga, umur, jantina, tingkatan persekolahan, saiz keluarga, dan pencapaian akademik.

Pelajar-pelajar remaja keturunan Melayu-Islam sahaja akan terlibat dalam kajian kerana dijangkakan kesukaran mendapatkan subjek kajian dan penyertaan dari keturunan lain.

Kajian ini berusaha mendapatkan data-data kuantitatif; oleh itu, soal selidik digunakan untuk mendapatkan respon mengenai masalah-masalah pelajar remaja dari keluarga ibu tunggal. Perbandingan masalah antara pelajar remaja dari keluarga asas dengan keluarga ibu tunggal tidak akan dibuat oleh kajian ini.

1.7: Definisi Istilah

Keluarga Ibu Tunggal

Keluarga ibu tunggal ialah sebuah keluarga yang wujud akibat pembubaran ikatan perkahwinan antara suami dan isteri, sama ada melalui cara perceraian sah atau kematian. Keluarga begini diterajui oleh janda atau balu yang bertanggungjawab menjaga, menyara, dan mendidik anak atau anak-anaknya. Ibu tunggal berperanan sebagai ketua keluarga yang menyara kehidupan ahli keluarga, dan berperanan sebagai pengurus rumah tangga (Jelita, April 1994; Dodson, 1978).

Ibu Tunggal

Wan Halim Othman (1995) mendefinisikan ibu tunggal sebagai wanita yang telah diceraikan suami atau wanita yang kematian suami. Wanita berkenaan hidup tanpa kehadiran suami dan ia bertanggungjawab mendidik, membimbang, menjaga, membiaya dan membesar anak-anaknya.

Pelajar Remaja

Pelajar remaja dalam kajian ini bermaksud pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal.

Mereka berumur antara 13-19 tahun dan masih menuntut di sekolah menengah.